

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 4 (52)

31 Ogos 2017  
9 Zulhijjah 1438

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 19/2017

### PENGISYTIHARAN CUTI UMUM SEMPENA TEMASYA SUKAN SEA KE-29

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah mengisytiharkan tarikh 4 September 2017 (Isnin) merupakan Cuti Umum bagi seluruh negara sebagai menghargai pengorbanan para atlet negara dan semua pihak yang terlibat dalam menaikkan imej serta menyemarakkan kecemerlangan negara dan sokongan yang tidak terhingga daripada seluruh rakyat Malaysia, sempena temasya Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur 2017.

2. Selaras dengan Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan Am 1951 maka Universiti turut menyahut arahan kerajaan dan Cuti Umum tersebut diberikan kepada seluruh warga UTM pada tarikh tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, mengambilkira perancangan awal yang telah dibuat, pendaftaran pelajar baharu Universti Teknologi Malaysia yang dijadualkan pada 4 September 2017 (Isnin) akan diteruskan sepertimana perancangan asal. Pelajar boleh mula mendaftar mengikut jadual yang telah dimaklumkan.
4. Semua urusan atau program-program lain yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar perlu diteruskan seperti biasa. Semua staf yang terlibat dengan program yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian.

Sekian, terima kasih.

**"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"**

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)  
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah